



UMS GO





Let's GO~~~



Universiti Malaysia Sabah telah beroperasi selama 22 tahun sejak tahun 1994 hingga hari ini. Di sinilah kita mula menikmati tempat – tempat menarik di ekokampus.







Menara Jam tersergam megah, menyambut kedatangan setiap tetamu ke Universiti Malaysia Sabah.







Dewan Canselor digunakan semasa majlis – majlis penting sahaja, contohnya semasa pendaftaran pelajar baru, majlis ikrar pelajar dan majlis konvokesyen.





Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan

SENI

Universiti Malaysia Sabah terkenal dengan keseniannya di Blok Seni, FKSW. Para pelajar telah menghasilkan pelbagai karya yang menarik dan memaparkan di blok mereka.





RAMU

- Merupakan salah satu hasil daripada pelajar seni kreatif FKSW.
- Mereka mempersembahkan karya mereka sendiri dari pelbagai aspek, contohnya koreografer, penari pereka cahaya, pereka kostum dan sebagainya.
- Program ini membantu mengenali corak kebudayaan masyarakat peribumi Sabah melalui gerakan yang dipersembahkan.







Akuarium & Muzium Marin UMS

Ditubuhkan pada tahun 1995, Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) bertujuan untuk menggalakkan pendidikan, penyelidikan dan latihan dalam pemuliharaan dan pembangunan mampan sumber marin dan penggunaan rasional bioteknologi.





ODEC UMS

Outdoor Development Centre (ODEC) terletak dalam Universiti Malaysia Sabah. Odec adalah tempat yang sesuai untuk mengadakan aktiviti luar seperti berkelah, sukan pantai dan program retreat.





Bangunan Canselori

Jabatan Canselori, Jabatan Pendaftar dan Jabatan Bendahari terletak dalam bangunan Canselori.

Bangunan Canselori dikenali sebagai Twin Tower dalam kalangan warga UMS.



Masjid UMS

Masjid Universiti Malaysia Sabah (UMS) ini berkonsepkan reka bentuk masjid di Timur Tengah.

Masjid ini dilengkapi dengan dewan solat lelaki dan wanita, bahagian pejabat pentadbiran masjid, tempat berwuduk lelaki dan wanita dan dewan kuliah.



Stadium UMS

Kemudahan stadium UMS berada di bawah hak penjagaan Pusat Sukan UMS. Stadium ini dapat meliputi kapasiti sebanyak 3000 orang penonton hingga 3500 orang penonton.

